

# Kerajaan Pahang sumbang RM10,000 kepada Muhammad Hamdi

Oleh [Shahrinnahar Latib](#) - April 23, 2021 @ 11:29am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (dua kiri) menyampaikan replika cek kepada Muhammad Hamdi Ahmad Hakimi yang diwakili ibunya, Rozita Abdul Hamid, 47, pada Majlis Penyampaian Bantuan Ramadan dan Berbuka Puasa hari ini. Muhammad Hamdi ditawarkan melanjutkan pelajaran peringkat sarjana di Universiti Harvard, Amerika Syarikat. - Foto BERNAMA

KUANTAN: Kejayaan Muhammad Hamdi Ahmad Hakimi, 20, yang dipilih melanjutkan pengajian ke Harvard College di Amerika Syarikat turut mendapat perhatian kerajaan Pahang yang tampil menghulurkan sumbangan berjumlah RM10,000.

Sumbangan menerusi Yayasan Pahang itu disampaikan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail kepada ibunya, Rozita Abdul Hamid yang mewakili Muhammad Hamdi.

Muhammad Hamdi dalam satu sidang video pada majlis berkenaan berkata, sumbangan itu dapat membantunya dalam persiapan untuk ke universiti berkenaan Ogos ini.

"Terima kasih kepada Yayasan Pahang dengan sumbangan ini," katanya dalam sidang video pada Majlis Penyampaian Bantuan Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa Bersama Menteri Besar Pahang di Kompleks Yayasan Pahang di sini malam tadi.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak, barisan EXCO kerajaan negeri dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang, Datuk Mahmud Mohd Nawawi.

Wan Rosdy yang juga Pengurus Yayasan Pahang dalam ucapannya berkata, kerajaan Pahang berbangga dengan pencapaian anak jati Kuantan itu yang mengharumkan nama Pahang dan Malaysia.

"Tahniah dan syabas diucapkan kepada Muhammad Hamdi. Seluruh Rakyat Pahang kagum dan berbangga dengan kejayaan ini," katanya.

Sementara itu, Rozita yang bekerja sendiri dari Perkampungan Tok Sira, di sini, berkata, penat lelahnya selama ini yang menumpukan perhatian terhadap akademik anak sulungnya itu ternyata tidak sia-sia.

"Dia anak yang terang hati dan selalu ambil inisiatif sendiri untuk belajar dan sememangnya sudah tentu membanggakan kami sekeluarga. Pengorbanan saya berkaitan masa dan wang untuk dia berjaya dalam pelajaran akhirnya membawa hasil," katanya.

Pada majlis itu juga, Wan Rosdy turut menyampaikan penghargaan kepada Pasukan Bahas Guru Pahang yang mencatat sejarah sejarah apabila memenangi Pertandingan Bahas Guru Peringkat Kebangsaan 2021 selepas 13 tahun.

Dalam majlis yang sama juga, beliau turut mengumumkan bonus sebulan gaji kepada semua kakitangan Yayasan Pahang bagi meraikan sambutan Aidilfitri tahun ini.